NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5 / 4 / 2010

Setahun di Aras 5

MUKADIMAH

SETAHUN berlalu bagaikan sekelip mata bagi Datuk Seri Najib Tun Razak setelah mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri yang keenam pada 3 April 2008.

Dalam tempoh tersebut beliau cuba meletakkan asas dan menyusun strategi bagi melaksanakan program transformasi untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih maju agar rakyat menikmati taraf kehidupan yang lebih bermutu.

Dalam program "Setahun Di Aras 5: Temu bual Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan oleh Bernama TV malam semalam, Najib bercakap mengenai harapannya agar rakyat menyokong usaha transformasi yang beliau sedang usahakan.

Beliau menjelas lanjut, antara lain, mengenai idea di sebalik Gagasan 1Malaysia, rancangan beliau untuk meningkatkan pendapatan per kapita rakyat, mewujudkan iklim pelaburan yang menarik bagi pelabur serta menggalakkan ekonomi berasaskan inovasi.

Berikut ialah temu bual Perdana Menteri bersama Timbalan Ketua Pengarang Bernama ZULKEFLI SALLEH dan Editor Ekonomi MIKHAIL RAJ ABDULLAH.

NAJIB Tun Razak ketika ditemu ramah oleh Zulkefli Salleh dan Mikhail Raj Abdullah di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya baru-baru ini. – BERNAMA

BERNAMA: Pertama-tamanya setinggi-tinggi tahniah di atas genap tempoh setahun Datuk Seri menjadi Perdana Menteri. Apakah perasaan Datuk Seri sehingga ke tahap ini?

NAJIB: Pertamanya saya merasa amat bersyukur bahawa saya telah dapat menjalankan amanah rakyat dalam tempoh selama setahun. Masa setahun ini berlalu terlalu cepat. Saya rasa macam seolah-olah semalam baru saja saya mulakan tugas.

Barangkali ini disebabkan bila kita dalam keadaan sangat sibuk sepanjang masa dan banyak program dan perkara-perkara yang telah diperkenalkan, dilaksanakan daripada segi dasar, pendekatan baru dan sebagainya, itulah menyebabkan masa berlalu begitu cepat sekali.

Tetapi saya bersyukur bahawa dalam tempoh masa setahun ini, kita telah dapat memperkenalkan banyak inisiatif baru yang nampaknya telah memberi hasil yang memuaskan dan mungkin sedikit sebanyak rakyat bertambah lebih yakin kepada kerajaan.

Setahun ada 365 hari sahaja tetapi nampaknya Datuk Seri sempat meletakkan asas dan menyusun strategi untuk menentukan hala tuju bagi mencapai wawasan dan matlamat kepimpinan. Tetapi adakah urusan meletakkan asas ini telah selesai pada peringkat ini atau mungkin ada lagi yang belum?

Saya fikir sudah memadai daripada segi menentukan dan melakarkan agenda utama kerajaan. Jadi empat tonggak yang saya sebutkan sebelum ini, yang mutakhir ini ialah Model Ekonomi Baru sudah lengkap, menjadi pelengkap kepada agenda utama kerajaan. Dan selepas ini, kita mesti tumpu kepada pelaksanaan supaya segala yang kita telah perkenalkan itu bukan sahaja dapat dilaksanakan tetapi meresap kesan dan penerimaannya kepada rakyat dan juga kepada pasaran.

Beberapa bulan selepas Datuk Seri mengambil alih teraju negara, Datuk Seri memperkenalkan Gagasan 1Malaysia, yang pada saya telah mula memperlihatkan kesan yang positif dari segi sudut perpaduan rakyat, memulihkan sokongan kepada kerajaan dan juga membina harapan rakyat terhadap masa depan yang lebih baik. Apakah 1Malaysia ini hanya sekadar slogan politik untuk menarik sokongan rakyat atau lebih daripada itu?

Gagasan 1Malaysia lebih daripada itu sebab, kalau kita tak ada prinsip yang menjadi asas, prinsip utama yang menjadi asas kepada sesuatu gagasan itu, maka kita boleh kata mungkin itu satu retorik politik atau pun slogan. Tetapi 1Malaysia ini ada penghuraiannya secara terperinci umpamanya saya sebut tentang bagaimana, pokoknya ialah perubahan daripada segi *mindset* kita di mana bermula dengan soal toleransi (*tolerance*). Maknanya kita bertoleransi, menerima pada peringkat minimum selepas itu kita terima dengan *acceptance*, makna cara kita menerima sesuatu itu sebagai satu yang baik.

Yang ketiga, yang paling puncak kepada segala-galanya ialah apabila kita dapat meraikan kepelbagaian itu sebagai satu aset kepada negara, sebagai satu kekuatan kepada negara, dan apatah lagi kalau kita boleh menterjemahkan kepelbagaian itu menjadi sesuatu keuntungan strategik untuk negara kita sama ada dalam konteks dalam negara atau hubungan kita dengan negara-negara lain.

Tetapi Datuk Seri, adakah slogan 1Malaysia cukup untuk menang balik sokongan rakyat yang merosot pada pilihan raya umum 2008?

Saya tidak berhenti setakat 1Malaysia. Saya mengupas apa maksud dan prinsip asas di sebalik 1Malaysia itu. Saya juga kata bahawa 1Malaysia, Rakyat Didahulukan. Jadi apa pun yang kita buat kita mesti meletakkan kepentingan rakyat di atas segala kepentingan yang lain. Dan yang ketiga ialah untuk menentukan pencapaian, Pencapaian Diutamakan bererti bahawa saya tidak mahu melihat kepada program atau pun pada projek tetapi keberkesanan, keberhasilan. Hasil (*outcome*) itu lebih penting daripada *output*.

Datuk Seri, begitu baiknya sambutan terhadap 1Malaysia sehingga saya lihat pihak pembangkang sendiri seolah-olah seperti takut dengan daya penariknya. Ada pula orang mengatakan bahawa Datuk Seri mendapat ilham Gagasan 1Malaysia daripada sebuah negara yang tidak peramah (*friendly*) dengan kita iaitu Israel?

Itu satu fitnah sama sekali dan di Parlimen pun, tidak ada apa-apa bukti yang telah dapat didedahkan bahawa kononnya ini adalah satu idea yang datang daripada negara luar, negara Israel atau mana-mana negara. Mereka cuba untuk merosakkan atau mencemar gagasan ini sebab gagasan ini sangat diterima oleh rakyat, peratusannya begitu tinggi. Mereka tak berani serang Gagasan 1Malaysia, mereka tidak dapat mempertikaikan, mereka cuba untuk merosakkan, mencemarnya, mencalarnya melalui kononnya sebagai ada ilham atau idea yang datang dari negara luar. Ini satu fitnah yang tidak benar, tidak berasas sama sekali.

Jadi kalau begitu, boleh Datuk Seri beritahu sebenarnya dari mana mendapat ilham untuk membuat gagasan seperti ini?

Saya bincang dengan beberapa teman saya sebab saya kata amat penting bagi kita untuk membuat sesuatu usaha baru ke arah perpaduan nasional ini sebagai penyatuan. Jadi saya selalu menjemput pelbagai kumpulan untuk mengadakan (sesi) percambahan fikiran dan apabila saya menggariskan perkara ini, bila kita lakukan *brainstorming*, percambahan fikiran, timbullah idea Gagasan 1Malaysia ini.

Setakat sekarang macam manakah kesan, adakah ia berkesan atau Datuk Seri perlukan lagi banyak masa?

Daripada segi mengetahui apa dia 1Malaysia ini, boleh dikatakan peratusannya tinggi cuma mereka ingin lebih lagi mengetahui kefahamannya lebih mendalam. Ini tugas kita. Sesuatu yang baru tentu makan masa untuk diterangkan, untuk disampaikan supaya ia dapat diterima dan dihayati oleh rakyat.

Tetapi saya tengok simbol 1Malaysia umpamanya begitu disambut seperti mana yang saya pakai. Begitu popular sekali pun 1Malaysia. Lepas itu banyak juga badan-badan korporat yang telah menggunakan 1Malaysia ini sebagai simbol mereka. Mereka gunakan *font* 1Malaysia dalam logo korporat masing-masing. Sebutan Salam 1Malaysia umpamanya menjadi kelaziman sekarang dan ada juga perkahwinan 1Malaysia pula.

Jadi saya lihat ia sudah menjadi satu gerakan massa. Kejayaan sesuatu gagasan itu jangan menjadikan sesuatu yang merupakan kenyataan kepada kerajaan dan pemimpin sahaja tetapi apabila ia benar-benar meresap dan sampai turun ke peringkat akar umbi sebagai satu gerakan massa, saya fikir itulah tanda-tanda ia mendapat sambutan.

Apakah halangan kepada pencapaian penuh Gagasan 1Malaysia?

Mungkin orang tak faham atau pun masih ada lagi pemikiran yang dalam kelompok masing-masing, dalam silo masing-masing yang memikirkan bahawa kumpulan, kelompok atau kaum masing-masing itu sahaja yang penting tetapi tidak ada usaha untuk menyatukan rakyat Malaysia. Dan kita sebagai seorang individu mungkin ada juga perasaan prejudis, rasis dan sebagainya seperti ada peristiwa gereja dibakar dan kepala khinzir dicampak dalam perkarangan masjid dan sebagainya.

Maknanya ada juga kefahaman yang ekstrem dalam masyarakat kita. Sebab ada kefahaman ekstrem itulah, bererti bahawa kita perlu kepada Gagasan 1Malaysia.

Kalau dipertandingkan 1Malaysia dengan *Middle Malaysia*. Siapa akan menang?

Saya percaya, tak ada banyak orang sebut *Middle Malaysia* agaknya, hampir-hampir dah lenyap sebenarnya, pembangkang pun tak sebut sangat *Middle Malaysia*. Jadi, jangan tanya pada saya lah mungkin kerana saya jadi pengasas kepada 1Malaysia. Tetapi kalau tanya kepada rakyat kita boleh dapat jawapan sebenarnya.

Di bawah 1Malaysia ada juga di bawahnya NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Nasional), GTP (Pelan Transformasi Kerajaan), Model Ekonomi Baru. Tetapi dari segi pelaksanaannya kita lihat GTP mungkin pelaksanaannya berjalan lancar tetapi penghayatan di pihak rakyat agak kurang. Jadi hasrat Datuk Seri menjadi *transformist*, saya rasa rakyat kurang faham. Jadi apa langkah Datuk Seri untuk merakyatkan idea Datuk Seri ini?

Ini merupakan satu perjalanan yang mungkin panjang. Saya percaya kalau kita dapat memperlihatkan kesan-kesan yang positif yang boleh diukur oleh rakyat dan rakyat boleh merasai ada perubahan, umpamanya bila kita hendak memerangi jenayah dan kita tengok kepada perangkaannya, kadar jenayah sudah menurun. Sebenarnya dalam bulan pertama tahun ini berbanding dengan tahun sebelum ini, kadar jenayah, yang dikatakan jenayah jalanan atau *street crime* sudah pun menurun kepada 13.7 peratus dan kita telah dapat menugaskan lebih ramai lagi anggota polis. Sebenarnya sasaran saya ialah supaya lebih 7,000 lagi tambahan anggota polis akan dikerah untuk menjalankan tugas-tugas rondaan.

Balai polis bergerak sudah mula kelihatan di merata tempat dan CCTV pun akan ditambah dan Rakan Cop, kita ada lebih 300,000 Rakan Cop dan juga anggota Rela, JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) dan sebagainya. Jadi bila kita himpunkan segala inisiatif ini dan dalam masa setahun ini, bila kejayaan kita akan diukur atau pun sebaliknya pada akhir tahun 2010, apabila kita dapat memperlihatkan kejayaan yang positif, saya percaya, pada masa itulah rakyat akan yakin, rakyat faham. Tetapi keyakinan rakyat itu bila kita tunjuk kejayaan kita, hasil kita, pada masa itu rakyat akan merasa begitu yakin dengan GTP.

Datuk Seri, itu dari segi jenayah. Dari segi sistem penyampaian kerajaan, ada kesan tak bagi rakyat luar bandar berurusan dengan jabatan kerajaan, ada tak peningkatan atau penambahbaikan perkhidmatan oleh jabatan-jabatan berkenaan?

Saya tekankan luar bandar dalam salah satu daripada NKRA kita ialah untuk meningkatkan prasarana luar bandar iaitu jalan, api, air dan kemudahan perumahan. Kalau kita dapat tunjuk bahawa sejak NKRA dilancarkan, menjelang tahun 2010 berapa banyak jalan telah dibuat? berapa banyak kampung yang telah mendapat bekalan api, air, rumah dan sebagainya dan perangkaan ini kita dedahkan. Dan orang kampung

> Jadi saya selalu menjemput pelbagai kumpulan untuk mengadakan percambahan fikiran dan apabila saya menggariskan perkara ini, bila kita lakukan *brainstorming*, percambahan fikiran, timbullah idea Gagasan 1Malaysia ini

> Mereka tak berani serang Gagasan 1Malaysia. Mereka tidak dapat mempertikaikan, mereka cuba untuk merosakkan, mencemarnya, mencalarnya melalui kononnya ilham atau idea yang datang dari negara luar. Ini satu fitnah yang tidak benar, tidak berasas sama sekali

> Dan kita sebagai seorang individu mungkin ada juga perasaan prejudis, rasis dan sebagainya seperti ada peristiwa gereja dibakar dan kepala khinzir dicampak dalam pekarangan masjid dan sebagainya. Maknanya ada juga kefahaman yang ekstrem dalam masyarakat kita. Sebab ada kefahaman ekstrem itulah, bererti bahawa kita perlu kepada Gagasan 1Malaysia

lihat muka 11

› BISIK-BISIK

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, bahawa dasar afirmatif tidak akan dihapuskan, melenyapkan sama sekali sebarang kebimbangan mengenai kemungkinan nasib kaum bumiputera tidak akan dibela seperti yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebelum ini.

Penjelasan Najib dalam wawancara khas *Bernama* TV sempena setahun memegang jawatan, amat melegakan golongan bumiputera dan NGO Melayu yang bimbang agenda membela bumiputera tidak lagi dititik beratkan dengan pelaksanaan Model Ekonomi Baru (MEB).

Sekalipun DEB kini digantikan dengan MEB, ia tidak mengubah dasar kerajaan untuk membela kaum bumiputera dan mempastikan mereka terus bergerak maju, khususnya dalam bidang ekonomi di mana mereka masih ketinggalan.

Namun sejajar dengan konsep 'Rakyat Didahulukan', dasar afirmatif ini akan dilaksanakan dengan lebih adil dan telus serta mengambil kira kepentingan rakyat keseluruhannya.

Sesungguhnya pendekatan baru ini melambangkan sikap prihatin kerajaan bersesuaian dengan konsep 1Malaysia. Bukan sahaja nasib kaum bumiputera akan terus terbela, bahkan nasib dan kebajikan kaum lain tidak diabaikan, khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Awang – Produk DEB

Awang Selamat

UM - 05/04/2010

sambungan dari muka 10

dapat tengok bahawa kalau dulu perkara-perkara ini begitu lama mereka menunggu, tapi akhir-akhir ini mereka dapat kemudahan-kemudahan seperti mana yang saya sebutkan tadi. Kalau ini dapat kita tunjuk kepada rakyat nanti, saya percaya bahawa keyakinan rakyat akan bertambah.

Tetapi yang saya takut Datuk Seri, sekarang ini pun kita telah bina jalan-jalan di kampung-kampung. Tetapi di kampung-kampung ini, Barisan Nasional kalah. Mereka anggap soal bina jalan dan bina itu adalah tanggungjawab kerajaan. Keprihatinan mereka adalah soal hidup... soal makan. Adakah terdapat peningkatan dalam hal ini?

Itu sebab saya kata bahawa satu aspek dari segi prasarana, dan ini ada juga kaitan dengan peningkatan dari segi kualiti hidup kita dan juga memudahkan kita dapat akses kepada pasaran. Umpamanya kampung kita dulu tidak ada jalan, sekarang ni ada jalan. Bererti bahawa segala hasil dari kampung kita lebih mudah kita pasarkan, orang luar pun lebih senang untuk membuat kunjungan dan lawatan ke kampung kita. Kita tidak rasa macam seolah-olah kita ni tersisih jauh daripada aliran perdana negara.

Itu satu aspek. Yang kedua kita juga sedang memperluaskan jaringan keselamatan sosial di bawah program e-kasih, 43,000 sudah pun didaftarkan dan mereka akan dapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan dan kita ada program latihan nak wujudkan 2,000 lagi usahawan wanita. Itu di bawah program NKRA kita. Di bawah program transformasi ekonomi (*economic transformation programme*), kita pun ada usaha dan program untuk menambahkan pendapatan rakyat luar bandar.

Tadi Datuk Seri sebut ini adalah satu perjalanan. Tetapi jerayawara (*roadshow*) GTP hanya diadakan di tiga tempat. Macam mana nak yakinkan seluruh rakyat kalau diadakan di PJ, Sabah dan Sarawak sahaja, bagaimana dengan Kelantan, Johor?

Berperingkat-peringkat kita akan buat sebab para pegawai kita ini dalam keadaan terlalu sibuk sekarang. Bukan sahaja perlu kita buat roadshow tetapi kita buat makmal, makmal subsidi umpamanya. Ia makan masa yang lama. Kadang-kadang para pegawai mengadakan perbincangan dan percambahan fikiran sampai malam, sampai pagi. Kita kena bagi tempoh masa. *Roadshow* kita akan sampai kepada semua negeri.

Berkenaan dengan rasuah, rakyat rasa susah untuk basmikannya. Bagaimanakah kerajaan hendak menyelesaikan masalah ini?

Janji kita ialah supaya dari segi International Transparency Index, yang berhubung kait dengan beberapa aspek. Umpamanya apabila saya lancar pada hari semalam portal *MyProcurement* di Kementerian Kewangan, itu satu langkah ke arah ketelusan yang amat baik sekali sebab hampir semua projek kerajaan dibuat secara tender. Jadi ini dimuatkan ke dalam portal maka rakyat akan dapat mengetahui. Itu juga saya percaya membantu ke arah rating kita yang lebih baik lagi.

Lepas itu kita dalam proses untuk memperkenalkan *Whistleblower* (Act). Itu pun satu yang baik. Maknanya sesiapa yang memberi maklumat kepada kerajaan, mereka akan dilindungi oleh kerajaan malah mereka pun boleh dapat ganjaran sekiranya maklumat yang mereka sampaikan itu membawa kepada orang yang bersalah itu diadili dan dijatuhkan hukum.

Datuk Seri, Allahyarham Tun Abdul Razak, perdana menteri kita yang kedua, banyak melakukan tinjauan mesra (*walkabout*) berjalan-jalan turun padang tapi banyaknya ke kawasan pedalaman dan luar bandar. Datuk Seri pun mewarisi sifat Allahyarham tetapi *walkabout* Datuk Seri nampaknya kalau tidak silap saya banyak di bandar daripada di luar bandar. Mungkin pada masa depan Datuk Seri ada rancangan untuk lawat kampung saya?

(Ketawa) Ia sebenarnya sama banyak, tetapi sebab keadaan demografi negara kita sudah berubah. Tahun 60-an dan tahun 2010 ini, selepas lebih 40 tahun sudah berlaku banyak perubahan di mana peratusan yang tinggal di bandar lebih daripada di luar bandar. Satu. Yang kedua, saya lebih suka membuat lawatan secara spontan. Jadi lebih mudah buat dalam sekitar kawasan bandar.

Tetapi banyak juga kawasan luar bandar yang telah saya lawati. Umpamanya saya pergi ke Sarawak, rumah panjang saya pergi. Bandar kecil di Semunjan pun saya pergi. Kawasan macam Rascom pun saya pergi. Itu memang kawasan luar bandar. Lepas itu kawasan Felda yang saya pergi. Dan di Langkawi bila saya cuti Tahun Baru Cina, waktu cuti pun saya turun tengok perkampungan nelayan dan dapat menyelesaikan masalah mereka.

Mungkin pada peringkat awal saya mula di Brickfields, Petaling Street dan Pantai Dalam. Itu di peringkat permulaan. Dan saya bercadang untuk melawat kawasan luar bandar dan juga tempat-tempat yang memerlukan perhatian daripada saya.

Lepas Datuk Seri buat tinjauan mesra (*walkabout*), jemaah Menteri dan anggota Parlimen BN nampak macam tak buat *walkabout*.

Tidak. Mereka pun buat program masing-masing dan sekarang kita ada program Juara Rakyat dan sebagainya dan banyak lagi program yang kita akan tambah. Kalau mereka buat *walkabout*, mereka tidak dilapor dalam surat khabar sebab mereka ahli Parlimen biasa.

Tetapi bila Perdana Menteri turun, media akan ikut serta memberi pendedahan yang meluas. Kalau kita nak ukur, itu tidak berapa adil. Jangan ukur dari segi liputan dalam media, lihat dari segi aktiviti mereka yang sebenar.

Rakyat kadangkala mendakwa mereka banyak buat *walkabout* hanya sebelum pilihan raya.

(Ketawa) Tidak, tidak benar. Mereka sudah tahu tanggungjawab kita, kalau nak berjaya, nak menang pilihan raya, janganlah bila dekat pilihan raya baru buat sibuk. Rakyat hari ini dah cerdik, rakyat faham. Rakyat boleh menilai kita.

> Jika saya kata anda mahu membasmi kemiskinan, jika anda mahu menangani 40 peratus populasi berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan, anda juga mesti menjaga bukan Melayu atau bukan Bumiputera. Apabila anda bercakap mengenai Bumiputera, ia bukan sekadar orang Melayu, bagaimana dengan Iban, Kadazan, Bidayuh, dan sebagainya, mereka juga Bumiputera dan mereka juga mempunyai hak yang sama

> Itulah sebabnya GST amat penting. Rakyat mahukan gaji yang lebih tinggi tetapi tidak mahu menyokong GST. Saya memerlukan sokongan 1.2 juta penjawat awam. Sekiranya anda mahu dibayar gaji yang lebih baik di masa depan, saya perlu mengukuhkan asas perolehan kerajaan kerana kalau tidak, dari mana saya akan dapat wang untuk membayar penjawat awam?

> Dunia sekarang berbeza daripada tahun 80-an dan 90-an. Malaysia perlu bersaing dengan lebih banyak negara dan mereka akan mendapati China adalah pasaran yang besar dan lebih baik untuk pelaburan. Tetapi saya yakin kita akan dapat menarik bahagian kita dalam FDI tahun ini dan tahun depan. Kita harus membuat pasaran teruja dengan reformasi kita

NAJIB Tun Razak disambut oleh belia MCA 1Malaysia semasa lawatan *walkabout* beliau di Kuala Kubu Bharu, Selangor, Sabtu lalu.

Bercakap mengenai Menteri dan Ahli Parlimen, *report card* (kad laporan) mereka sudah diterima ke belum?

Kita *monitor* (pantau) apa yang dilakukan oleh mereka. Saya janji untuk buat penilaian terhadap prestasi Menteri, itu dah selesai selepas enam bulan. Wakil-wakil rakyat ini, kita ada ibu pejabat yang akan pantau dan mereka tahu siapa wakil rakyat yang rajin turun padang, balik kawasan, menyelesaikan masalah rakyat dan sebagainya.

Ada yang *fail* (gagal) tak Datuk Seri?

Biasanya bila ada pilihan raya, ada yang tidak dicalon semula, ada yang dicalon semula. Yang tidak dicalon semula tu, maknanya *fail* lah (gagal).

Jadi keseluruhannya baguslah?

Keseluruhannya semakin baik saya lihat. Mungkin lepas pilihan raya 2008 tu, mereka tergamam sedikit sebab keputusan itu di luar dugaa. Jadi bila dalam keadaan itu, dalam masa setahun itu agak kurang aktiviti, tetapi sekarang ini saya nampak sudah ada peningkatan yang ketara.

Dua tiga hari lepas Datuk Seri seolah-olah macam berjanji pendapatan per kapita rakyat akan meningkat 15,000 dolar... semua orang seronok. Tetapi ada juga yang mengatakan macam janji ini terlalu muluk (indah) boleh capaikah, sedangkan di Sabah dan Sarawak, kemudahan asas belum ada.

Kita kena buat secara serentak. Ini Pendapatan purata (*average income*). Bila saya sebut average income, ada yang lebih tinggi daripada itu, ada yang lebih rendah daripada itu. Itu maksud *average income*. Takkan semua akan dapat 15,000. Jadi kita mesti faham. Mana-mana negara pun begitu juga. Ada yang miskin, ada yang kaya. Tetapi kita hendak yang miskin itu jangan terlalu miskin sampai begitu daif.

Datuk Seri, ada kritikan bahawa Kerajaan Pusat mengambil sumber Sabah dan Sarawak dan tidak pulang balik untuk pembangunan. Apa komen Datuk Seri?

Itu tidak benar. Banyak daripada peruntukan kita lulus untuk Sabah dan Sarawak. Dari segi Perlembagaan, misalnya kawasan minyak itu memang bukan hak negeri tetapi kita bagi balik dalam sumbangan kita kepada kerajaan negeri, lepas itu kita buat peruntukan tambahan di bawah prasarana luar bandar, kebanyakannya untuk Sabah dan Sarawak. Kita dah janji misalnya bekalan api dan air sampai ke 90 peratus daripada sekarang yang dalam 60-65 peratus, nak dilonjakkan kepada 90 peratus menjelang akhir tahun 2012. Ini satu *target* yang begitu besar sekali sebenarnya. Kita perlu menjayakan objektif ini melalui peruntukan tambahan.

Mengenai isu ekonomi, bolehkah Datuk Seri berikan contoh tentang kecekapan sistem penyampaian dalam menjadikan Malaysia satu tempat yang selesa untuk menjalankan perniagaan?

Pertamanya, kita telah berjaya mengubah ekonomi dalam jangka masa yang singkat terutamanya pada suku keempat di mana kita berjaya mencapai 4.5 peratus pertumbuhan dalam jangka masa tiga bulan pada suku terakhir itu. Ini adalah kerana pakej rangsangan bukan sahaja berjalan lancar tetapi telah disampaikan ke akar umbi. Beratus dan beribu projek, kecil dan besar telah dilaksanakan. Ini, saya rasa adalah petunjuk yang jelas dan satu manifestasi kejayaan pentadbiran kerajaan termasuk penjawat awam yang telah bekerja keras untuk mengagihkan pakej rangsangan. Jadi, memandang ke hadapan, saya percaya dengan penekanan yang kita berikan, bahagian perkhidmatan awam akan menghasilkan keputusan yang baik.

Dengan reformasi pasaran modal, liberalisasi pasaran dan sebagainya, hanya tiga syarikat dari China yang disenaraikan di sini, mengapakah terdapat sambutan yang kurang memberangsangkan dan menyebabkan pelabur menjauhi pasaran. Serta, ada juga yang berkata garis panduan FIC mengenai pegangan saham Bumiputera telah terlalu lewat?

Kita tidak boleh menghakiminya berdasarkan tahun lepas kerana ia adalah tahun yang teruk. Maksud saya, seluruh dunia mengalaminya tahun lepas dan keadaan kita yang tidak sebegitu teruk terjejas adalah, pada pendapat saya, menunjukkan tahap keyakinan terhadap Malaysia dan bahawa tahun ini akan menjadi lebih baik. Kita harus membuat pasaran teruja dengan reformasi kita.

Tetapi, pada hari pelancaran MEB, pasaran telah ditutup bercampur-campur?

Pasaran selalu mengabaikan apa-apa pengumuman yang dibuat, tetapi mereka mahu melihat butir-butir spesifik, penanda aras, tempoh waktu dan peruntukan, insentif. Perkara-perkara inilah yang saya kata akan dibuat secara berperingkat kerana ia adalah pengumuman dan pelaksanaan berperingkat. MEB telah diumumkan pada 31 Mac dan kemudian, kita ada 10 Jun untuk Rancangan Malaysia ke-10. Butiran lanjut juga akan diketahui pada Ogos apabila EPU mengumumkan program transformasi Islam dan Rancangan Malaysia ke-10, dan kemudian pada Oktober apabila saya membentangkan bajet, akan terdapat peruntukan spesifik untuk aktiviti ekonomi utama yang kita mahu galakkan.

Terdapat beberapa perubahan fikiran dilihat dalam dasar Datuk Seri mengenai GST (cukai barangan dan perkhidmatan), dua harga petrol dan undang-undang mengenai kenderaan berusia lebih 15 tahun. Adakah kerajaan mengalah kepada tekanan politik?

Sebenarnya, tidak. GST memerlukan sedikit lagi masa untuk sokongan dan kepercayaan masyarakat. Ini adalah kerana pembangkang telah memutar belitkan fakta. Jadi, kita perlu waktu untuk menjelaskan kepada rakyat kerana ia adalah sesuatu yang baik untuk rakyat pada jangka masa panjang. Kami mahu memastikan pelaksanaan yang lancar, jadi kami bukan mengambil keputusan untuk menghentikannya, tetapi untuk menangguhkannya sehingga projek itu mendapat lebih penerimaan umum.

Mengenai GST dan perkara lain, kita turut mengambil kira tindak balas orang ramai. Jika kita rasa sesuatu yang ingin dilaksanakan tidak mendapat sokongan penuh, kita bersedia untuk menimbang semula. Maksud saya, mungkin ada pihak berkata kerajaan mengubah fikiran tetapi itu menandakan kami sensitif kepada kemahuan dan keperluan rakyat. Saya selalu kata rakyat didahulukan, bukan? Jadi, rakyat didahulukan. Jika rakyat tidak bersedia untuk menerima sesuatu, kami akan menangguhkannya atau membatalkannya, tetapi ini tidak bermakna kita mengalah kepada tekanan. Ia adalah mengenai kerajaan kepunyaan masyarakat. Saya selalu menekankan perkara itu, ia adalah kerajaan kepunyaan masyarakat.

Datuk Seri juga menyebut tentang pengstrukturan semula subsidi, dua harga petrol. Adakah ini bermaksud kami akan menikmati subsidi itu buat jangka masa yang agak panjang?

Ya, kerajaan telah mengambil keputusan bahawa terdapat cara yang lebih sesuai kerana struktur dua harga adalah terlalu kompleks dan tidak berbaloi. Apabila kita menganalisis data, ia didapati tidak setimpal dengan apa yang harus kita lakukan berbanding apa yang akan kita dapat. Jadi, kerajaan akan tetap mengurangkan subsidi, cuma ia akan dilakukan secara berperingkat dan kerana kerajaan tidak mahu membebankan rakyat, ia harus dilaksanakan dengan teratur dan berhati-hati.

Tetapi ada yang berkata ia akan dilakukan selepas Pilihan Raya Umum?

(Ketawa) Tentunya akan ada yang sinis dan skeptikal tetapi ia harus dihadapi sebagai cabaran dan kita harus membuktikan yang mereka salah.

Sekarang adalah waktu yang sukar kerana mereka memenangi empat negeri. Dan dalam membincangkan Rakyat Didahulukan, adakah kerajaan BN bersedia untuk bekerja dengan kerajaan pembangkang bagi membawa pembangunan kepada orang ramai. Bolehkah Datuk Seri memberi contoh di mana kerajaan pusat dan negeri telah bekerjasama untuk pembangunan masyarakat?

Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan projek di negeri-negeri di mana Barisan Nasional mengalami kekalahan. Sebagai contoh, projek persekutuan seperti sekolah, klinik dan termasuk Klinik 1Malaysia yang telah kita bangunkan di negeri yang dimenangi pihak pembangkang. Apabila kita mendapat persetujuan bersama, kita tidak ada masalah melaksanakannya untuk masyarakat dan pada asasnya kami mahu berlaku adil. Maksudnya, peruntukan yang tinggi telah diberikan kepada negeri-negeri yang tidak dikuasai oleh Barisan Nasional.

Apakah pendapat Datuk Seri mengenai pelaburan terus asing (FDI). Ia jatuh mendadak tahun lepas, jadi apakah pilihan bagi Malaysia?

Tahun lepas adalah tahun yang amat teruk yang merupakan satu kejanggalan, jadi kita tidak boleh menggunakan tahun lepas sebagai satu asas untuk berkata kita tidak lagi berdaya saing untuk menarik FDI, tetapi kita harus tahu persekitaran ekonomi telah berubah. Akan terdapat lebih banyak ekonomi baru muncul yang menawarkan kos buruh yang lebih menarik dan rendah daripada kita, dan ada di antaranya merupakan pasaran yang besar.

Dunia sekarang berbeza daripada tahun 80-an dan 90-an. Pada tahun 80an, terdapat Perang Dingin dan banyak negara masih belum beralih kepada ekonomi pasaran dan sekarang, kita dapati Malaysia perlu bersaing dengan lebih banyak negara dan mereka akan mendapati China adalah pasaran yang besar dan lebih baik untuk pelaburan.

Tetapi saya yakin kita akan dapat menarik bahagian kita dalam FDI tahun ini dan tahun depan. Dan cabarannya ialah untuk kita menjadi lebih berdaya saing, lebih bertindak balas kepada keperluan pelabur asing dan pada masa yang sama tidak melupakan pelabur tempatan kerana model masa hadapan adalah keseimbangan antara FDI dan pelabur tempatan. Jadi, kita harus menghasilkan juara tempatan yang juga boleh menjadi juara serantau dan global kerana itu akan memberikan kekuatan kepada ekonomi. Maksud saya, berbanding dengan satu pelaburan dari satu syarikat antarabangsa, dan satu pelaburan oleh syarikat tempatan, dengan jumlah pelaburan yang sama, tentunya pelaburan oleh syarikat tempatan itu memberikan nilai yang lebih tinggi.

Liberalisasi perkhidmatan kewangan. Saya rasa bilangan bank yang datang ke negara ini tidak menggalakkan? Adakah Datuk Seri setuju dengan pendapat ini?

Tidak. Saya rasa ini hanyalah permulaan. Kita baru mengumumkan pada setengah tahun kedua tahun lepas dan telah pun memberikan kelulusan kepada bank terbesar dunia. Mereka akan memulakan operasi tidak lama lagi. Akan terdapat satu bank dari India, juga dari Timur Tengah dan lain-lain negara. Angka ini kian meningkat dan ini hanyalah satu permulaan. Kita akan melihat penubuhan bank itu tahun ini dan saya yakin mereka akan mula menjana ekonomi negara dengan mengambil bahagian dalam kemudahan kredit, memberi penerangan kepada bakal pelabur dan menggalakkan pembiayaan dagangan.

Adakah kita boleh menjadi hab perbankan Islam?

Kita adalah pendahulu, kita adalah negara nombor satu di dunia. Sebanyak 60 peratus daripada sukuk dunia dikeluarkan dari Malaysia. Kita mempunyai salah satu perbankan Islam terbaik dunia dan pusat latihan yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia. Kita juga sedang memproses dua bank Islam mega dengan modal berbayar AS$1 bilion setiap satu, dan Bank Negara akan mengumumkan rancangannya untuk menubuhkan pusat fizikal bagi perbankan Islam. Terdapat banyak perkara menarik akan diumumkan tidak lama lagi.

Bagaimana dengan hab halal? Brazil, Argentina dan Australia kini dikatakan terkehadapan dalam industri halal. Bagaimana dengan Malaysia? Bolehkah Malaysia menjadi hab?

Semua orang boleh mengambil peluang daripada pasaran halal. Pertamanya, kita ada jenama halal, yang dikeluarkan oleh Jakim, dan jenama itu mempunyai integriti dan reputasi. Yang keduanya, kita cuba mempromosi hab halal Malaysia. Tetapi kita tetap ada perkaitan dengan negara lain. Sebagai contoh, jika kita mahu mengeksport makanan, kita adalah pengimport bersih, jadi kita masih perlu bergantung kepada sumber-sumber dari negara lain. Saya percaya industri halal Malaysia akan terus berkembang.

Perkara ini berkaitan apabila kita bercakap mengenai daya saing. Ia adalah mengenai pendidikan. Keputusan SPM baru sahaja diumumkan dan ramai pelajar yang mendapat keputusan cemerlang merungut bahawa mereka tidak akan mendapat tempat untuk belajar dalam bidang yang mereka mahu. Bilakah Datuk Seri jangka kerajaan boleh membekalkan pengajian tinggi yang lebih baik dan percuma?

Tiada negara di dunia yang membekalkan pengajian tinggi secara percuma. Tetapi, pengajian tinggi di negara kita diberikan subsidi yang tinggi, dari segi kos operasi, hanya 10 peratus dibayar oleh yuran. Yang lain ditaja oleh kerajaan dan ini tidak termasuk perbelanjaan modal. Apabila kita bercakap tentang biasiswa, kita tidak boleh hanya berfikir tentang pelajar yang ke luar negara. Jika kita menghantar pelajar-pelajar terbaik kita ke luar negara, siapa yang akan memenuhi universiti kita di sini? Sesebuah universiti tidak boleh mendapat penarafan tinggi jika pelajar-pelajarnya tidak cemerlang. Kita hanya mampu menghantar beberapa pelajar ke universiti *Ivy League*, tetapi yang lain harus kekal di sini dan dihantar ke universiti awam dan swasta.

Kita ada universiti seperti Monash dan Nottingham di sini dan mereka boleh belajar menjadi doktor di sini dan kelulusan mereka diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Bolehkah kerajaan menyediakan lebih banyak tempat untuk pelajar perubatan?

Kita sedang mencuba tetapi kita tidak boleh mengabaikan kualiti. Kita boleh melatih doktor tetapi kita perlukan masa untuk membina keupayaan membangunkan sekolah perubatan yang bagus, dan sekolah perubatan memakan belanja yang tinggi kerana kita harus membina hospital latihan atau sekurang-kurangnya sebuah hospital khas untuk doktor pelatih. Ini semua mengambil masa yang panjang. Tetapi dari segi bilangan doktor, bilangannya adalah tinggi buat Malaysia dan cabarannya juga adalah untuk membawa balik mereka yang berkelulusan. Kita melatih mereka, tetapi mereka memilih untuk bekerja di luar negara.

Datuk Seri, tadi menyebut tentang Rakyat Didahulukan. Kini terdapat insurans motor pihak ketiga. Terdapat banyak kritikan terhadap Bank Negara Malaysia. Mereka tidak menyebelahi rakyat, mereka menyebelahi industri. Ia mendatangkan keuntungan, kata mereka. Bolehkah rakyat mendapat komitmen daripada Datuk Seri bahawa Datuk Seri akan memberitahu Bank Negara untuk menyebelahi mereka yang berkepentingan, rakyat serta kumpulan pengguna?

Industri insurans kenderaan memerlukan reformasi penuh kerana ia perniagaan yang merugikan dari segi premium yang dikutip dan pembayaran. Ia adalah defisit yang serius. Apa yang terjadi ialah peserta menggunakan keuntungan daripada produk insurans yang lain untuk mengsubsidi insurans kenderaan. Tetapi, sungguhpun begitu, jika terdapat perubahan, kerajaan akan berunding dengan semua yang berkepentingan iaitu bukan sahaja syarikat insurans, malahan kumpulan pengguna. Saya akan memberitahu Bank Negara untuk berunding dengan persatuan dan kumpulan pengguna.

Salah satu ciri MEB ialah Datuk Seri mahu Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Bagaimanakah kerajaan akan mengimbangkan ekonomi bernilai tinggi dan mengekalkan kos kehidupan yang rendah seperti yang dilihat dari subsidi yang meluas terhadap barangan keperluan?

Inilah sebab perlunya peralihan paradigma pada pemikiran kita. Inilah yang dijangka sesuai pada masa itu. Kita mahu menjadi berdaya saing, kita perlu menjadi negara pengeluar berkos rendah. Jadi kita rendahkan kos komoditi dan perkhidmatan. Tetapi, menerusi MEB, kita mahu tekankan bahawa Malaysia adalah negara inovatif. Dan untuk itu kita perlukan kepintaran dan bakat. Dan kepintaran adalah bakat yang tidak mahu

lihat muka 12

Rencana

sambungan dari muka 11

bekerja di Malaysia, dan ini termasuk rakyat Malaysia sendiri. Ya, kita tidak bayar mereka dengan sepatutnya. Gaji dan upah tidak sejajar dengan jangkaan mereka dengan gaji yang mereka boleh dapat di tempat lain.

Sebagai contoh, jika mereka bekerja di Timur Tengah, mereka boleh menerima gaji tiga hingga empat kali ganda. Kenapa mereka perlu bekerja di Malaysia? Kita boleh belanjakan beribu-ribu ringgit untuk melatih seorang profesional tetapi sebaik sahaja mereka mendapat kelulusan, mereka ke luar negara. Bukankah itu satu pembaziran buat Malaysia? Kini kita tahu bahawa mengekalkan gaji dan kos yang rendah bukan cara untuk maju ke hadapan. Cara untuk maju ialah dengan meningkatkan gaji yang akan memberikan rakyat kita pendapatan dan kualiti hidup yang lebih tinggi, dan boleh menarik dan mengekalkan tenaga kerja di dalam negara. Kita juga boleh mendapatkan bakat global, kerana untuk menjadi negara inovatif, kita harus membuatkan bakat global untuk memilih Malaysia.

Tentang peningkatan gaji, bagaimana tentang gaji 1.2 juta penjawat awam?

Gaji mereka akan disemak mengikut perkembangan, dengan syarat produktiviti meningkat. Apa yang penting ialah dengan pengukuhan ekonomi, perolehan kerajaan juga meningkat.

Sebab itulah GST amat penting. Rakyat mahukan gaji yang lebih tinggi tetapi tidak mahu menyokong GST. Saya perlukan sokongan 1.2 juta pekerja kerajaan. Jika awak mahu gaji yang lebih tinggi di masa depan, saya harus kukuhkan asas perolehan kerajaan, kerana jika tidak, dari mana saya akan dapat duit untuk membayar penjawat awam? Jawapannya ialah menyokong inisiatif kerajaan kerana kami mahu memberi yang lebih baik kepada semua rakyat kita.

Salah satu masalah ketika krisis ialah pekerja kita. Kadang kala mereka tidak beretika dan secara tiba-tiba, contohnya, 100 pekerja kilang tekstil dipecat. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana mereka telah bekerja selama 25 tahun dan mereka tiba-tiba kehilangan segala-galanya. Adakah di bawah pentadbiran Datuk Seri terdapat undang-undang yang menyekat majikan daripada memecat pekerja mereka dan jika ia dilakukan, mereka patut diberi ganti rugi dan masa untuk berhenti.

Ini adalah di bawah undang-undang buruh kita dan jika undang-undang buruh kita kelihatan tidak adil kepada pasaran, kita akan menyemaknya semula. Seperti jika pekerja tempatan tidak dibayar pada kadar yang boleh menarik mereka untuk bekerja dan jika majikan mahu mengambil pekerja asing kerana mereka boleh membayar kadar upah yang rendah, jadi kita boleh berbuat sesuatu tentangnya. Saya percaya majikan di negara ini harus mencuba sebaik mungkin untuk mengambil pekerja tempatan agar tenaga kerja stabil dan kita tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing.

Mengenai pengganggguran, apakah kadarnya kini?

Ia adalah kira-kira 3.6 peratus jadi ia dikira tiada pengangguran. Tiada pengangguran kerana jika dilihat, kita mempunyai 2.2 juta pekerja asing jemputan dan satu juta lagi secara tanpa izin, jadi angka itu, adalah anggaran bijak, tetapi kebanyakan orang akan mengatakan ia adalah angka sebenar. Jadi, apakah maknanya?

Maksudnya, terdapat peluang pekerjaan tetapi mengapa rakyat Malaysia tidak mahu bekerja, sama ada di kilang-kilang atau di restoran nasi kandar? Rakyat Malaysia tidak mahu kerja-kerja yang berbahaya, kotor atau dipandang rendah. Jadi, untuk menarik rakyat Malaysia bekerja, kita harus mengubah persekitaran tempat kerja dan membayar mereka gaji yang sedikit tinggi. Saya percaya majikan patut berbuat demikian. Kita juga tidak sepatutnya membuatkan pengambilan pekerja asing begitu mudah buat majikan. Jika kita boleh meningkatkan gaji pekerja asing mengikut bilangan pekerja asing yang ingin diambil, ini akan menjadi lebih bermakna dari segi perniagaan dan ekonomi untuk mengambil pekerja tempatan.

Adakah Datuk Seri menganggap keputusan pilihan raya kecil Hulu Selangor sebagai ukuran (barometer) kepada sokongan terhadap kerajaan sekarang?

Dalam sistem ini, tentunya setiap kali terdapat pilihan raya kecil kami mahu memenanginya. Pilihan raya kecil adalah hanya pilihan raya kecil dan petunjuk sebenar adalah pilihan raya umum. Apa sahaja yang kita lakukan boleh menyumbang kepada jangkaan atau psikologi untuk menang. Tetapi ujian sebenar ialah Pilihan Raya Umum ke-13 nanti.

Perkasa (Pertubuhan Peribumi Perkasa Malaysia) berkata masyarakat Melayu patut memiliki 67 peratus kekayaan ekonomi, dan Datuk Seri menyebut tentang menyemak semula polisi afirmatif. Jadi, bagaimanakah kerajaan akan menyelaraskan kedua-dua objektif ini?

Saya tidak kata kita akan pinda, hapuskan tindakan afirmatif, saya kata kita patut kekalkan. Apa yang saya katakan ialah kita akan semak pelaksanaannya supaya ia menjadi lebih adil, lebih mesra pasaran, lebih telus dan lebih berasaskan merit dan keperluan. Sebagai contoh, jika kita mahu menghapuskan kemiskinan, jika kita mahu menangani 40 peratus populasi yang berpendapatan kurang RM1,500 sebulan, kita juga harus menjaga kebajikan bukan Melayu dan bukan Bumiputera juga.

Bila kita bercakap tentang Bumiputera ia bukan sahaja mengenai Melayu, ia juga tentang Kadazan, Iban, Bidayuh dan lain-lain, mereka juga Bumiputera dan mereka ada hak yang sama. Apa yang saya cuba katakan ialah kita tidak sepatutnya terlalu taksub dengan satu pandangan tetapi biarlah kita melihat dengan cara yang akan memberikan perasaan bersatu sebagai satu negara dan satu masyarakat, tetapi tindakan afirmatif tetap kekal kerana kedudukan Bumiputera yang masih tidak mencapai taraf yang sepatutnya, yang bermakna kita harus meneruskan tetapi pada masa yang sama memperbetulkan kelemahan. Kelemahan yang jelas kelihatan dalam cara pelaksanaan kita sebelum ini.

Tetapi, sehingga kini, masih terdapat keraguan tentang tender terbuka. Selalu dibincangkan bahawa tender terbuka, tidak sebenarnya terbuka. Menyentuh tentang ketelusan, adakah Datuk Seri akan mengubah perkara ini di bawah pentadbiran Datuk Seri?

Saya ingin beritahu bahawa tender terbuka adalah benar-benar terbuka. Sesiapa sahaja boleh mengambil bahagian, dan ia akan disiarkan dalam portal Kementerian Kewangan. Orang ramai boleh memeriksa sendiri, contohnya jika anda membida dan anda tidak berjaya, anda boleh tahu siapa yang berjaya dan anda akan tahu harga yang ditawarkan oleh syarikat yang dianugerahkan tender itu. Jadi rakyat boleh mengkritik kerajaan jika mereka rasa proses itu tidak adil.

Mengenai Kerjasama Trans-Pasifik dengan Amerika Syarikat, kita telah pun mengadakan lapan pusingan rundingan dengan Amerika mengenai Perjanjian Dagangan Bebas (FTA), dan sekarang mereka bercakap tentang TPP. Adakah Malaysia akan menyertainya? Bukankah ia memalukan selepas rundingan sebanyak lapan kali diabaikan?

FTA adalah sesuatu yang kompleks. Hinggakan di negara yang telah bersetuju untuk melaksanakan FTA, sebahagian daripada segmen populasi seperti di Korea Selatan, mereka mengadakan demonstrasi serius terhadap FTA Korea Selatan-Amerika Syarikat. Jadi FTA tidak pernah jelas, ia adalah perjanjian yang kompleks dan mengambil masa untuk dipersetujui. Kini terdapat perubahan pentadbiran Washington.

Jika ini adalah pentadbiran Republican, mereka mungkin akan terus bercakap dengan kita tentang FTA pelbagai hala tetapi pentadbiran baharu ini lebih suka bekerja dalam rangka kerja pelbagai hala dan Malaysia akan menimbangkan untuk menyertai TPP tetapi berdasarkan apa yang kita boleh terima. Inilah yang kita rundingkan. Kita telah bersetuju pada dasarnya untuk menyertai TPP. Jadi, kita kini harus memulakan rundingan serius yang akan mengambil masa yang lama kerana kebanyakan isu sukar untuk diselesaikan. Tetapi saya tidak rasa ia tidak dapat diatasi.

Adakah Datuk Seri kecewa apabila rakyat, media, parti politik dan semua orang di dalam dan di luar kerajaan menyalahkan Datuk Seri ke atas segala-galanya? Setiap kesilapan dalam negara dan segala masalah, hinggakan masalah tanah runtuh, mereka salahkan Datuk Seri?

Saya rasa rakyat tidak berlaku adil. Saya rasa rakyat sedar bahawa ada perkara yang di luar kuasa kita. Ini hanyalah risiko jawatan saya; saya harus menerimanya. Saya rasa ini juga terpakai kepada ketua-ketua kerajaan di seluruh dunia dengan syarat rakyat tidak terlalu tidak munasabah. Jika bola golf mereka tidak memasuki lubang, mereka tidak boleh menyalahkan saya Perdana Menteri.

Saya tahu manusia boleh menjadi tidak munasabah tetapi mereka harus tahu ia ada hadnya. Saya cuma lakukan yang terbaik. Saya tidak terlalu bimbang tentang itu. Saya bekerja keras, dan saya bekerja hingga larut malam dan saya serius tentang mengubah negara ini dan waktunya akan tiba apabila rakyat mengadili saya dan saya yakin rakyat Malaysia akan menghakimi saya dengan adil. – BERNAMA



SEBAHAGIAN daripada nelayan pukat jerut laut dalam mengucapkan terima kasih kepada Najib Tun Razak bersempena setahun menjadi Perdana Menteri. Kerajaan masih mengekalkan subsidi minyak petrol dan diesel serta memberikan elaun sara hidup setiap bulan kepada nelayan.

> Mungkin ada pihak berkata kerajaan mengubah fikiran tetapi itu menandakan kami sensitif kepada kemahuan dan keperluan rakyat. Saya selalu kata rakyat didahulukan, bukan? Jadi, rakyat didahulukan. Jika rakyat tidak bersedia untuk menerima sesuatu, kami akan menangguhkannya atau membatalkannya, tetapi ini tidak bermakna kita mengalah kepada tekanan. Ia adalah mengenai kerajaan kepunyaan masyarakat

> Kita harus menghasilkan juara tempatan yang juga boleh menjadi juara serantau dan global kerana itu akan memberikan kekuatan kepada ekonomi. Maksud saya, berbanding dengan satu pelaburan dari satu syarikat antarabangsa, dan satu pelaburan oleh syarikat tempatan, dengan jumlah pelaburan yang sama, tentunya pelaburan oleh syarikat tempatan itu memberikan nilai yang lebih tinggi

> Saya cuma lakukan yang terbaik. Saya tidak terlalu bimbang tentang itu. Saya bekerja keras, dan saya bekerja hingga larut malam dan saya serius tentang mengubah negara ini dan waktunya akan tiba apabila rakyat mengadili saya dan saya yakin rakyat Malaysia akan menghakimi saya dengan adil